

PEMBANGUNAN PENGUKURAN MODEL INDEKS SYARIAH DALAM PELAKSANAAN PERUNDANGAN ISLAM DI NEGERI MELAKA: SATU SOROTAN AWAL

Suhaimi Abu Hasan

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Mohd Azam Yahya

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Abdul Basir Mohamad

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Faqih Ibrahim

Fakulti keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: suhaimi@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Pembangunan Indeks Syariah merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang digunakan untuk mengukur dan menilai tahap kepatuhan sesuatu program atau usaha yang dijalankan sama ada menepati piawaian Islam serta mengenalpasti ruang pembaikan yang perlu diberi fokus bagi memenuhi keseluruhan Maqasid Syariah. Bidang perundangan Islam merupakan antara salah satu bidang yang difokuskan dalam kajian Indeks Syariah 2015 dan 2017. Sehingga hari ini, belum ada satu model yang dibangunkan dalam menilai tahap kepatuhan syariah dalam bidang ini. Kajian ini adalah kajian analisis literatur bertujuan bagi membina model pengukuran yang sesuai berindeks berteraskan Muqasid Syariah di negeri Melaka dalam aspek perundangan Islam dengan lebih berkesan. Metod utama kajian ini adalah kualitatif, Pengkaji menggunakan metodologi *Systematic Literature Review* iaitu sebuah kaedah yang memfokuskan kepada kehendak kajian. Metodologi ini mempunyai tiga peringkat untuk memilih artikel yang bersesuaian dengan kajian iaitu, pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakkan (*eligibility*). Dapatan kajian memperolehi empat belas (14) artikel yang membincangkan isu pembinaan model Indeks Syariah aspek perundangan Islam di negeri Melaka. Hasil analisis literatur kajian ini mendapati, tiada kajian yang seumpama dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lalu. Kebanyakan kajian-kajian lepas menggunakan metod kualitatif dan tiada menunjukkan kesamaan pada kajian yang ingin dilaksanakan. Kesimpulannya, dengan adanya kajian pembinaan model pengukuran indeks ini, penilaian

perundangan Islam terhadap Muqasid Syariah adalah menjadi keperluan dan wajar diperkembangan di peringkat nasional.

Kata Kunci : Indeks Maqasid Syariah, Perundangan Islam

DEVELOPMENT OF SYARIAH INDEX MODEL MEASUREMENT IN THE IMPLEMENTATION OF ISLAMIC LAW IN THE STATE OF MELAKA: AN INITIAL HIGHLIGHTS

ABSTRACT

The development of the Syariah Index is a scientific measurement method used to measure and evaluate the level of compliance of a program or effort carried out whether it meets Islamic standards and identify areas for improvement that need to be focused on to meet the overall Maqasid Syariah. The field of Islamic jurisprudence is one of the areas focused in the study of the Shariah Index 2015 and 2017. To date, no model has been developed in assessing the level of Shariah compliance in this field. This study is a study of literature analysis aims to build a suitable measurement model indexed based on Muqasid Syariah in the state of Malacca in the aspect of Islamic law more effectively. The main method of this study is qualitative, the researcher uses the methodology of Systematic Literature Review which is a method that focuses on the requirements of the study. This methodology has three stages to select articles that are suitable for the study, namely, identification (identification), screening (screening) and eligibility (eligibility). The findings of the study obtained fourteen (14) articles that discuss the issue of building a Shariah Index model of Islamic legal aspects in the state of Melaka. The results of the analysis of this study found that no such study was conducted by previous researchers. Most of the previous studies used qualitative methods and showed no similarity in the studies to be implemented. In conclusion, with the study of the construction of this index measurement model, the evaluation of Islamic law on Muqasid Syariah is a necessity and should be developed at the national level.

Keywords: *Maqasid Syariah Index, Islamic Law.*

PENGENALAN

Kajian ini merupakan satu stuktur pembinaan pengukuran model yang berteraskan Maqasid Syariah. Kajian menumpukan negeri Melaka sebagai satu pengukuran permulaan dan akan menjadikan contoh model yang terbaik untuk mengukur tahap keberadaan amalan syariah dari pelbagai aspek kehidupan di negara ini umumnya dan dari sudut perundangan Islam khususnya.

Malaysia merupakan salah sebuah negara maju yang berteraskan Islam. Melalui proses perkembangan yang pesat saban tahun sehingga melepasi

pencapaian era kemerdekaan, Malaysia berkomited dalam memastikan setiap urusan negara serta pelaksanaannya diurus dengan berlandaskan Muqasid Syariah. Ini membawa erti bahawa, Malaysia secara terbuka untuk membaiki nilai syariah yang lebih baik berpandukan kehendak al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Menurut Abd Karim Zaidan (2002) dasar syariah yang digunakan merupakan perintah Allah Taala kepada hambanya yang disampaikan melalui agama iaitu al-Quran dan al-Sunnah merangkumi semua aktiviti manusia sama ada dari segi akidah, akhlak, fiqh ibadah, perundangan, perkahwinan, perdagangan atau pun jenayah. Dengan erti lain, tujuan akhir penerapan syariah dalam kehidupan manusia adalah untuk menjaga kemaslahatan dari pelbagai aspek dan menjauhi kemudharatan agar kebahagiaan dapat dicapai di dunia mahupun akhirat.

Menurut Zaleha Kamarudin et.all (2019) pada hakikatnya, pengamalan penerapan tahap syariah telah pun diaplikasikan pada corak urusan pentadbiran di sektor kerajaan atau pun swasta berdasarkan prinsip-prinsip Muqasid Syariah oleh Kerajaan Malaysia sekian lama, tetapi usaha tersebut belum dibina pengukurannya pada suatu tahap yang serius. Oleh hal demikian, satu rentetan penilaian Indeks Syariah Malaysia diperkenalkan pada tahun 2015, merupakan satu pendekatan yang lebih serius diambil menilai kesungguhan pihak kerajaan Malaysia dalam memenuhi kehendak tahap kepatuhan syariah yang lebih baik terutamanya dari kepelbagaian aspek. Ini adalah hasil daripada buah idea bekas YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak semasa Majlis Perdana Ulama' Umara' pada 28 Ogos 2014 :

“Di Majlis Perdana Ulama' Umara' pada 28 Ogos 2014, saya telah cetus satu idea bagi Malaysia melakar satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urusan Islam di Malaysia yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata lain adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia.”

Melalui pembinaan Indeks Syariah 2015²⁴ ini, ia boleh dianggap sebagai satu pembinaan awal produk pelengkap tadbir urusan yang berteraskan Islam di Malaysia dan malah menjadi projek kajian rintis terhadap kajian-kajian yang seterusnya. Selain daripada menjadi perintis terhadap model tadbir urusan Islam pada kajian penilaian yang akan datang. Model tersebut juga boleh menjadi rujukan utama kepada negara-negara Islam yang lain untuk mengukur tahap keberadaan aspek amalan syariah dalam sesebuah pentadbiran sesebuah kerajaan negeri tersebut. Oleh hal demikian, secara tidak langsung Malaysia menjadi satu negara Islam yang melakar dimensi baru dalam memperkasakan pentadbiran kerajaan berteraskan Syariah khususnya dalam bidang perundangan. Pelaksanaan

²⁴ Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak (10 Februari 2015) : Majlis Perdana Ulama' Umara' 2015 serta Pelancaran Indeks Syariah Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

dan pengubalan sesuatu perundangan amatlah penting dalam sesebuah negara kerana ia merupakan satu sistem peraturan yang dibuat oleh pemerintah (kerajaan) untuk mengatur sistem masyarakat. Bagi menilai Indeks Syariah Malaysia bidang Perundangan, pada tahun 2017 telah ditambahbaik daripada hasil Indeks Syariah 2015.

Bagi melengkapkan projek kajian rintis Indeks Syariah Malaysia 2015, usaha giat ditambah baik dari pelbagai aspek serta digubal dan diperkasakan agar pengukuran indeks tersebut menampakkan lebih matang dan berkesan. Ini bermakna, ada perkara-perkara yang ditambahbaik dan ada juga perkara dikekalkan sebagai mengekalkan kualiti kajian yang akan dijalankan. Perkara item dikekalkan bagi mengekalkan kualiti pada 2017 seperti pengekalan dari sudut kerangkaan dan instrumen umum Indeks Syariah Malaysia 2015. Pengekalan yang dibuat juga pada lapan bidang utama urus tadbir negara ini iaitu melihat dari bidang perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran dan sosial. Bidang-bidang tersebut dijadikan indikator untuk menilai tahap kepatuhan pemerintah negara dalam memenuhi lima elemen prinsip Muqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Zaleha Kamarudin et.al, 2019).

Bagi bidang perundangan, kajian dijalankan di bawah tanggungjawab penyelidik-penyelidik Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang diketuai oleh Prof Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin telah membuat penambahbaikan pada kedua tahun kajian yang dijalankan. Pada tahun 2015 penilaian Indeks Syariah hanya tertumpu kepada sejauhmana keberadaan undang-undang Islam, undang-undang sivil dan jenayah dilaksanakan di setiap negeri-negeri di Malaysia selari dengan Muqasid Syariah manakala pada kajian Indeks Syariah pada tahun 2017, dengan mengenal pasti undang-undang yang sedia ada mematuhi kehendak Muqasid Syariah ataupun tidak dengan lebih kepada kajian berbentuk persepsi. Dengan kepelbagaian data dan sumber dirumuskan melalui pengukuran aras pengetahuan, kesedaran dan keberkesanan pematuhan Muqasid Syariah, ianya nampak lebih relevan pengukurannya berbanding kajian yang di buat pada 2015. Selain dari itu, edaran soal selidik terhadap responden yang menjawab hanyalah golongan pelaksana dasar dan masyarakat sahaja pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2015 dengan ketiga-tiga golongan termasuk pembuat dasar.

Bagi golongan penglibatan tiga kumpulan responden dalam kajian Indeks Syariah Malaysia 2015 telah kekalkan pada 2017 dengan melibatkan golongan pemerintahan sebagai pembuat dasar, golongan agensi-agensi sebagai pelaksana dasar seperti Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JAKIM, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEINS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pejabat Mufti Negeri Sembilan. Selain itu pihak golongan masyarakat juga menjadikan pengukuran Indeks Syariah Malaysia lebih relevan dan menyeluruh.

Bagi memastikan sebuah negara yang mempunyai sistem pentadbiran dan perundangan yang berteraskan Islam yang lebih baik, kajian ini menumpukan

dari segi lima aspek perbincangan utama input kepada pengukuran Indeks Syariah Malaysia 2015 dan 2017 (Zaleha Kamarudin, 2019) sama ada dilihat menerusi kedudukan agama Islam, peranan istitusi beraja, bidang kuasa Mahkamah Syariah, institusi kekeluargaan dan juga aspek pengurusan harta dan urusniaga dalam negara hendaklah mengikut kehendak lunas-lunas syariah.

PENYATAAN MASALAH

Pembinaan Indeks Muqasid Syariah Malaysia pada tahun 2017 merupakan kesinambungan pemurnian Indeks Syariah Malaysia pada tahun 2015. Penambahbaikan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada undang-undang Islam yang sedia ada mematuhi setiap elemen-elemen yang terdapat dalam Muqasid Syariah itu sendiri merangkumi peringkat kebangsaan. Ianya berperanan dalam penentuan pengamalan yang berlaku percanggahan pada aspek perbincangan selari dengan prinsip-prinsip Muqasid Syariah sehingga membolehkan pihak-pihak yang berautoriti seperti kerajaan boleh memikirkan cara yang sesuai atau memansuhkan sesuatu perundangan yang telah dilaksanakan bagi mencapai kehendak Islam. Selain daripada itu, pembangunan Indeks Syariah juga berperanan sebagai satu wadah pencetus pemikiran, pantauan pencapaian secara berterusan sehingga ia menjadikan kehidupan masyarakat Islam di negara ini dapat beramal dengan perintah dan menjauhi segala larangan Allah Taala.

Bila diperhatikan dengan kajian yang dijalankan tahun 2015, ia merupakan projek perintis dalam membina Indeks awal pematuhan prinsip-prinsip Muqasid Syariah dengan lapan bidang yang disenaraikan. Pada tahun tersebut hanya sekadar melihat keberadaan undang-undang Islam serta undang-undang sivil dan jenayah dilaksanakan atau tidak di negeri-negeri di Malaysia berbanding kajian pada tahun 2017. Berikut adalah Bahagian-bahagian atau Jabatan-jabatan yang terlibat dengan responden pada Indeks Syariah Malaysia Tahun 2015 dan 2017 :

Jadual 1: Jadual yang menunjukan Bahagian-Bahagian atau Jabatan-jabatan yang terlibat sebagai responden kepada Indeks Syariah Malaysia (2015-2017)

Bil	Bahagian-Bahagian atau Jabatan-Jabatan yang terlibat	Negeri
1.	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JAKIM	Putrajaya
2.	Bahagian hal Ehwal Undang-Undang JPM	Putrajaya
3.	Jabatan Bantuan Guaman	Putrajaya
4.	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	Putrajaya
5.	Jabatan Agama islam Selangor (JAIS)	Selangor
6.	Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEINS)	Negeri Sembilan
7.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Wilayah Persekutuan
8.	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Selangor

- | | | |
|-----|---|---------------------|
| 9. | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
(MAIWP) | Wilayah Persekutuan |
| 10. | Pejabat Mufti Negeri Sembilan | Negeri Sembilan |

Sumber: Indeks Syariah Malaysia (2019)

Berdasarkan kepada jadual 1, responden penilaian Indeks Syariah Malaysia hanya melibatkan kepada negeri-negeri yang berdekatan kawasan Putrajaya seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan dan tidak melibatkan kepada keseluruhan negeri contohnya Melaka dan lain-lain. Ini menunjukkan kajian yang dibuat tidak menggambarkan keseluruhan dan hanya melibatkan negeri-negeri tertentu sahaja.

Selain dari itu, kajian yang telah dijalankan bersifat penambahbaikan ketika pelaksanaan kajian Indeks Syariah Malaysia pada tahun 2017 yang lebih realiti dan berkesan. Apabila berlaku penambahbaikan, maka hendaklah berlaku peningkatan skor indeks penilaian pengamalan Muqasid Syariah berbanding kajian sebelumnya, akan tetapi ianya telah berlaku penurunan skor indeks yang dicapai terutamanya pada aspek perundangan sebanyak 0.6 berbanding tahun 2015 adalah seperti di jadual 2.

Jadual 2: Jadual Perbandingan hasil dapatan
Indeks Syariah Malaysia (Perundangan) pada tahun 2015 dan 2017

Bil	Komponen	Hasil Indeks	Hasil Indeks
		Syariah Malaysia 2015	Syariah Malaysia 2017
1.	Pemeliharaan Agama	87.75	84.76
2.	Pemeliharaan Nyawa	89.55	86.63
3.	Pemeliharaan Keturunan	86.35	83.1
4.	Pemeliharaan Akal	87.45	83
5.	Pemeliharaan Harta	86.5	87.9
Jumlah keseluruhan		87.9	87.3

Sumber: Indeks Syariah Malaysia (2019)

Berdasarkan jadual 2, semua komponen Muqasid Syariah mengalami penurunan dari tahun 2015 ke tahun 2017 dengan melihat lima komponen utama penilaian Muqasid Syariah dan daripada lima komponen tersebut memperlihatkan kesemua komponen mengalami penurunan kecuali dari aspek “pemeliharaan harta”. Persoalannya adakah kepatuhan dan nilai pengamalan elemen Syariah terutama dalam perundangan Islam dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini akan menurun saban waktu sedangkan berlaku penambahbaikan dari perbagai aspek? Bagaimana skor Indeks Syariah ini perlu dipertingkatkan bagi menjamin keharmonian negara yang berstatus Islam? Selain daripada itu, walaupun peratusan di kedua-dua tahun melebihi 80 peratus dan ke atas, ini membuktikan masih terdapat ruang yang perlu ditambahbaik dalam sistem pentadbiran negara agar perundangan di Malaysia sentiasa berpaksikan landasan Syariah dalam melakar kejayaan meningkatkan kualiti hidup dan kemakmuran sejagat.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis literatur secara sistematik atau *systematic literature review* (SLR). Metodologi ini telah banyak diguna pakai oleh beberapa pengkaji, antaranya Kamal dan Hussin (2020), dan Usman dan Shahabuddin (2019). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti kajian pembinaan pengukuran model Indeks Syariah bidang perundangan Islam. Menurut Higgins et al. (2011) *systematic literature review* (SLR) merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya. Pengkaji mengaplikasikan metod kajian yang digunakan oleh Kitchenham & Charters (2007) dan Shaffril et al. (2019). Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasikan 3 fasa kajian iaitu pengenalanpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Tiga fasa ini perlu melalui proses yang ketat dan teliti. Gambar rajah 1 menjelaskan langkah-langkah dan jumlah dapatan artikel yang dikaji dalam kajian ini.

Kajian ini menggunakan dua jenis pengkalan data (*database*) iaitu *google search engine* dan *google scholar*. Pengkalan data ini cukup memenuhi syarat bagi bidang kajian ini. Menurut Xiao and Watson (2019) kata tidak ada satu pun database yang lengkap. Maka mereka cadangkan untuk guna lebih dari satu database, dan Younger (2010) menyokong kaedah ini kerana dia berpendapat bila guna lebih dari satu, ia akan menutup kelompong pada keduanya atau lebih. Selain itu, menurut Shaffril et al. (2019) tiada pengkhusus jenis pengkalan data yang digunakan, asalkan ia melalui proses yang ketat. Maka ia dilabelkan sebagai analisis literatur sistematik.

Fasa pengenalanpastian (*indentifacation*) adalah proses untuk mengenal pasti artikel yang memfokuskan kepada perbincangan mengenai indeks, maqasid syariah dan perundangan Islam secara umum. Oleh itu, fasa ini perlu mengaplikasikan kaedah kepelbagaian kata kunci bagi pencarian artikel. Sebanyak 304 artikel berkaitan dengan indeks maqasid syariah yang terkumpul daripada *google search engine* dan *google scholar* dari tahun 2015 hingga 2020. Manakala 32000 artikel berkaitan dari perundangan Islam secara umum terkumpul dari tahun 2015-2020. Angka ini adalah dapatan sebelum menggunakan kaedah kepelbagaian kata kunci yang lebih khusus kepada tajuk.

Fasa kedua ialah saringan (*screening*) iaitu dengan memfokuskan kepada beberapa kriteria sebelum membuang dan mengambil artikel. Beberapa kriteria telah disuaipadankan dengan artikel yang dipilih iaitu, melibatkan hanya artikel jurnal bermula tahun 2015 sehingga 2020 yang mempunyai kata kunci terpilih melebihi 3 pengulangan dalam artikel tersebut. Tempoh ini adalah tempoh yang sesuai untuk dijalankan kajian. Kerana ia tidak terlalu lama daripada tahun terkini (Long, 2009). Kata kunci tersebut ialah, indeks syariah, maqasid syariah dan perundangan Islam. Artikel yang tidak memenuhi kriteria tersebut tidak akan dipilih. Setelah fasa dua dijalankan sebanyak 14 artikel yang diperoleh. Kelayakan (*Eligibility*) merupakan fasa ketiga dan pada fasa ini pemilihan akan dibuat secara manual. Iaitu dengan menilai jika terdapat artikel berulang, tidak menepati tema kajian, tidak memenuhi kriteria pemilihan artikel untuk kajian dan

penambahan jika perlu. Pada peringkat ini terdapat 14 artikel perlu dinilai kelayakan mengikut kriteria kajian. Pengkaji mendapati 14 artikel yang memenuhi kriteria kajian, iaitu bukan artikel jurnal dan tahun kurang daripada lima tahun terkini. Selepas tiga fasa ini dijalankan, pengkaji mendapati hanya empat belas artikel perlu di kaji dalam kajian ini.



Rajah 1: Carta alir PRISMA)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, empat (14) artikel telah dikenal yang menepati tema kajian iaitu Indeks Muqasid Syariah dalam Perundangan Islam. Jadual 3 menyenaraikan artikel jurnal hasil daripada analisis SLR.

No	Kajian / Tahun	Tajuk Jurnal	Latar Belakang Kajian	Isu/ Gap	Metod	Dapatan Kajian dan Tema Tajuk
1.	Khabib Solihih, Siti Nur Ami'in dan Puji Lestari (2019)	<i>Maqashid Syariah Sebagai Alat Ukur Kerja Bank Syariah Telaah Konsep Maqasid</i>	Satu kajian yang dibuat kepada Bank-bank Syariah di Indonesia melihat model-model yang	Kajian ini menganalisis dengan teliti fakta-fakta yang diukur sama ada mempunyai	Kualitatif	Dapatan menunjukkan nilai indeks produk-produk bank syariah dan konvensional berdasarkan teori

		<i>Sharia Index (Msi) Asy-Syatibi</i>	terbaik bagi mengukur tahap indeks patuh syariah	kelebihan atau kekurangannya serta sejauhmana pengukuran indeks syariah ini boleh digunakan di agensi-agensi konvensional		yang digunakan oleh al-Syatibi. Tema : Indeks
2.	Ahmad Shukri Bin Yusoff et.all (2021)	<i>Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat Di Malaysia</i>	Satu kajian pantauan secara umum pelaksanaan institusi Zakat di Malaysia dalam mematuhi kehendak maqasid syariah.	Kajian mengenalpasti tahap kepatuhan pengamalan kerja di Institusi Zakat Malaysia melalui pengumpulan data yang berbeza.	Kualitatif	Secara keseluruhan terdapat tiga keperluan yang mendorong pematuhan ini iaitu pertama, wujudnya pencapaian kutipan yang tidak seimbang; kedua, meningkatnya aduan berkenaan agihan zakat; dan ketiga, kepercayaan masyarakat. Tema : Indeks, Maqasid Syariah.
3.	Lia Anggraeni Prasetyowati et.all (2016)	<i>Pengukuran Kerja Bank Umum Syariah Dengan Maqasid Index Dan Syariah</i>	Satu kajian model pengukuran terhadap bank-bank di Indonesia dengan pengukuran berdasarkan lima elemen muqasid syariah.	Kajian ini bertujuan untuk mengukur prestasi perbankan Islam dengan menggunakan kerangka Maqasid Syariah dan model SCnP, yang mana kedua model tersebut telah disesuaikan dengan ciri perbankan Islam. Penyelidikan dilakukan terhadap tujuh Bank Utama Islam (BUS) selama lima tahun, dari 2010 hingga 2014	Kuantitatif	Hasilnya dengan menggunakan model indeks maqasid menunjukkan bahawa terdapat variasi dan prestasi turun naik kepada bank-bank tersebut. Jumlah indeks maqasid dalam tempoh lima tahun terakhir adalah dari 0,16901 hingga 0,34297. Bank Muamalat Indonesia dianggap sebagai BUS paling stabil terhadap prestasi syariah maqasid selama tempoh pemerhatian. Maka dapatlah disimpulkan dari jumlah indeks BMI yang selalu melebihi 0,30 menjadikan ianya berada ditahap yang pertama

						atau kedua pada setiap tahun, kecuali pada tahun 2014, di mana pada tahun 2014 penurunan prestasi berlaku secara serentak pada 6 sampel BUS termasuk BMI Tema : Indeks, Maqasid Syariah
4.	Norazmi Anas et.all (2017)	<i>Penyelidikan Sainifik Dalam Kerangka Maqasid Syariah Dari Perspektif Pragmatik-Agama</i>	Konsep <i>Maqasid Syariah</i> (MS) dan Indeks Syariah Malaysia (ISM) 2015 dan 2017 yang dijalankan mempunyai hubungan falsafah pemikiran Ibnu Khaldun	Satu kajian huraian konsep <i>Maqasid Syariah</i> (MS) dan Indeks Syariah Malaysia (ISM) serta menjelaskan penyelidikan saintifik dalam kerangka MS dan kaitannya dengan pragmatik-agama falsafah pemikiran Ibnu Khaldun	Kualitatif	Kajian ini mendapati bahawa penyelidikan saintifik dalam kerangka MS menepati teori pragmatik-agama yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun yang menyatupadukan ilmu <i>naqli</i> dan <i>aqli</i> dalam kehidupan manusia sejagat. Oleh itu, penyelidikan saintifik moden khususnya di Malaysia tidak lagi bersifat sekular malahan pengintegrasian dengan ajaran Islam memberi manfaat baharu dalam korpus ilmu pengetahuan semasa selari dengan ISM. Tema : Indeks, Muqasid Syariah
5.	Farrah Wahida Mustafa et.all (2020)	<i>Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang</i>	<i>Maqasid</i> syariah menekankan bahawa kejadian alam dan segala kekayaan yang dimiliki oleh manusia adalah hak mutlak Allah SWT. Manusia sewajarnya bertanggungjawab menguruskan harta kurniaan-Nya dengan menyampaikan kebaikan yang diperolehi	Tujuan penulisan kertas konsep ini adalah untuk membincangkan permasalahan alam sekitar menurut <i>maqasid</i> syariah dan undang-undang	Kualitatif	Kesimpulannya, sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kemampuan tubuh badan yang sihat oleh Allah, seharusnya menitik beratkan segala aspek penjagaan alam sekitar dalam usaha menjaga amanah Allah dan juga mentadbir alam dengan sempurna.

			kepada masyarakat seluruhnya. Dari sudut perundangan pula, dapat dilihat bahawa pelbagai rang undang-undang telah digubal dalam memastikan alam sekitar ini terus terpelihara. Kompau, saman, khidmat masyarakat, injunksi ataupun dihadapkan ke mahkamah, undang-undang telah menyediakan satu balasan atau hukuman khas terhadap kesalahan pencemaran atau kerosakan yang dilakukan			Tema : Maqasid Syariah.
6.	Zubair bin Amir Nur Rashid et.all (2019)	<i>Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-2</i>	Pendidikan PAK-21 merupakan pendidikan di Malaysia menerudi pembelajaran abad ke-2. Kaedah yang baru seperti aplikasi Muqasid Syariah perlu diperkenalkan agar sistem yang diamalaln selari dengan kehendak Syariah.	Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengkaji aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem yang baru diperkenalkan dalam pendidikan di Malaysia iaitu PAK-21.	Kualitatif	. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa PAK21 ini menerapkan elemen dan nilai-nilai murni serta aplikasi Maqasid Syariah yang baik khususnya dari aspek <i>Hifz al-Aql</i> iaitu penjagaan akal. Standard Kemahiran, Kurikulum Kebangsaan, Pengurusan Bilik Darjah abad ke-21, serta Ciri-ciri Murid PAK21 yang diperkenalkan dilihat sangat bertepatan dengan konsep <i>Maqasid Syariah</i> Tema : Maaqasid Syariah.
7	Setiyawan Gunardi (2019)	<i>Maqasid Syariah Dan Aplikasinya Dalam Bermuamalah</i>	Hubungan antara Muslim dan bukan Muslim adalah disebut hubungan secara	Kajian ini bertujuan menjelaskan <i>maqasid syariah</i> yang	Kualitatif	Hasil kajian mendapati bahawa Maqasid Syariah menjadi rujukan dalam

		<i>Antara Muslim Dan Bukan Muslim.</i>	insaniah. Walaupun hanya Muslim sahaja beramal dan berpaksikan syariah dalam tata cara pergaulan seharian tetapi ada juga ciri-ciri pergaulan buakn Islam ada kaitan dengan hubungannya dengan Islam berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah.	menjadi prinsip dalam bermuamalah antara manusia. Juga mendedahkan golongan bukan Islam yang menjalankan kehidupan di Malaysia, sehingga boleh mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan bersatu		bermuamalah antara sesama manusia. Tema : Maqasid Syariah.
8.	Ayu Nor Azilah Mohamad et. all (2018).	<i>Peranan Muqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia.</i>	Islam merupakan agama rasmi persekutuan tetapi agama-agama lain bebabs selagi tidak mengganggu ketenteraman awam. Hak agama Islam istimewa melalui perkara 3(1) Pelembagaan Persekutuan.	Artikel ini membincangkan tentang Maqasid Syariah memelihara kedudukan agama Islam di Malaysia. Islam diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai agama rasmi persekutuan. Akan tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan secara bebas selagi tidak mengganggu ketenteraman awam. Pemeliharaan kedudukan agama Islam dilaksanakan melalui Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan	Kualitatif	Hasil kajian mendapati bahawa kedudukan agama Islam di Malaysia terpelihara melalui pelaksanaan Maqasid Syariah. Perkara ini sangat bersesuaian dengan lanskap masyarakat majmuk di Malaysia yang diberi kebebasan untuk mengamalkan agama, budaya dan adat resam masing-masing. Tema : Maqasid Syariah, perundangan Islam
9	Azman Mohd Nor et.al (2016)	<i>Kepentingan Memahami Muqasid Syariah dalam Pembangunan Ekonomi Negara”.</i>	Kajian dan penulisan ini tertumpu kepada pengurusan dan pembangunan zakat serta perkembangan ekonomi negara serantau dengan asas-asas Muqasid Syariah	. Penulis juga menekankan tentang cara untuk memelihara harta dengan melalui pelaburan secara berterusan, keadilan dan	Kualitatif	Hasil Kajian ini menekankan aspek peranan Muqasid Syariah dalam merangsang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sebagai melahirkan modal

			dari segi pemeliharaan harta	telus dalam urusniaga yang dijalankan		insan berteraskan Syariah. Tema : Maqasid Syariah.
10	Dr. Fakhri Sungit et.all (2015)	<i>War 52 Pembangunan Dalam Islam: Analisis Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah</i>	Pembangunanan berteraskan Islam amat penting dibincngkan agar ianya selari dengan kehendak syariat. Pembangunan secara lahiriy turut dimasukan juga pembangunan secara laman dalam mencorakan keseragaman pembangunan yang berkesan. Keseimbangan dari ekonomi dan sosial agar pembangunan yang ingin dicapai dalam Islam dapat diterjemahkan.	Kajian ini bertujuan untuk menilai kembali maksud dan definisi pembangunan melalui perspektif Islam dalam konteks era moden dan globalisasi. Terdapat banyak literatur dan kajian yang menilai dan mengukur tahap pembangunan berdasarkan kepada realiti semasa sesuatu masyarakat dimana ianya banyak bergantung kepada cabaran ekonomi dan sosial pada satu-satu masa. Pengukuran terhadap pembangunan ini memberi maklumat yang sangat penting kepada pihak kerajaan dan institusi-institusi tertentu untuk membangunkan ekonomi dan membasmi kemiskinan di sesebuah negara daripada data dan petunjuk pembangunan tersebut.	Kualitatif	Hasil penelitian terhadap pengukuran pembangunan, terdapat organisasi antarabangsa seperti <i>United Nation Development Programs (UNDP)</i> yang telah membangunkan indeks pembangunan sebagai kayu ukur terhadap pembangunan sesebuah negara. Ianya telah melalui proses evolusi dari sudut dimensinya kerana perubahan masa dan cabaran ekonomi yang berbeza dan semakin mencabar. Tema : Maqasid Syariah
11	Zurul Iman Bin Zakaria et. all (2019)	<i>Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang</i>	Kajian pelaksanaan Penguatkuasa Undang-undang Jenayah Syariah	Artikel ini bertujuan mengkaji sejauh manakah	Kualitatif	Hasil kajian ini mendapati tindakan penguatkuasaan tidak

		<i>Jenayah Syariah Di Negeri Melaka</i>	di Negeri Melaka. Perundangan Islam di Melaka sememangnya telah diamalkan sejak sekian lama lagi. Bermula undang-undang kanun Melaka dan Undang-undang Syariah.	pelaksanaan undang-undang jenayah syariah dilaksanakan khususnya di Negeri Melaka sepertimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991		dilaksanakan secara menyeluruh. Hanya terdapat 27 jenis kesalahan yang ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan memberi penumpuan utama kepada kategori kesalahan berhubung dengan seksual. Terdapat 8 jenis kesalahan jenayah syariah yang lazim berlaku di Negeri Melaka iaitu kesalahan bersekediaman, perbuatan tak sopan, hamil luar nikah ,berjudi ,subahat persetubuhan haram, menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan, pungutan tak sah dan minum minuman memabukkan Tema : Perundangan Islam
12	Muhammad Hazim Ahmad et all (2019)	<i>Analisis Perundangan Bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Berkaitan Bukti Sainstifik Dan Penerimaannya Di Mahkamah Syariah</i>	Perundangan merupakan perkara asas dalam berdepan dengan pelbagai masalah jenayah. Setiap keterangan bukti jenayah di mahkamah Syariah perlulah dibuktikan sama ada melalui pengakuan atau pensabian bukti. Pensabitan bukti hendaklah di buktikan melalui Sainstifik agar dapat diterima oleh pihak	Kajian ini hanyalah membahaskan tentang analisis perundangan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah secara umum	Kualitatif	Hasil kajian menunjukkan pembuktian saintifik boleh dilakukan oleh ahli forensik. Hukum Syarak menerima dan mengamalkan pembuktian saintifik sebagai salah satu kaedah pembuktian dan penafian sesuatu dakwaan. Selain itu, undang-undang keterangan mahkamah syariah juga membuka laluan

			mahkamah.			dan ruang untuk menerima pakai kaedah pembuktian saintifik melalui peruntukan berkaitan keterangan dokumen awam dan pendapat pakar. Terdapat juga prosedur-prosedur perundangan yang telah disediakan berkaitan pembuktian saintifik. Kesimpulannya, Hukum Syarak tidak menolak konsep sains forensik malahan telah menerimanya ribuan tahun sebelum ia diperkenalkan semula melalui nama, terma, dan konsep yang lebih saintifik dan moden Tema : Perundangan Islam
13	Mohd Fazrin Hamdan (2015))	<i>Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Johor Bharu</i>	Pindaan perkara 5 dan perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memberi nafas baru khususnya kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kesannya ialah apa jua yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak boleh campur tangan seperti dalam soal harta pusaka, penjagaan kanak-kanak dan sebagainya.	Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor sejak dari tahun 2003 hingga 2006. Kajian ini juga menyingkap beberapa aspek yang diperolehi secara keseluruhannya a berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor	Kualitatif	Hasil kajian mendapati bahawa Mahkamah Syariah kini adalah bebas daripada campur tangan mahkamah sivil sejak Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988. Begitu juga dari sudut pentadbiran Mahkamah Syariah telah berpisah dari Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam sejak tahun 1996. Tema : Perundangan Islam

			Namun begitu, jika dilihat dengan lebih mendalam bidang kuasa Mahkamah Syariah sangatlah terhad ke atas orang Islam sahaja dan dalam tiga bidang sahaja, iaitu undang-undang keluarga, perwarisan dan beberapa kesalahan matrimoni dan kesalahan takzir sepertimana dalam perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual ke-9, Senarai II Perlembagaan Persekutuan	sejak dari tahun 2003 hingga 2006		
14	Musa Awang (2015)	Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?	Selepas pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, ramai yang beranggapan bahawa mahkamah syariah telah diberi kuasa yang lebih luas daripada sebelumnya, kerana tidak lagi berada di bawah mahkamah sivil. Mahkamah sivil juga dikatakan tidak akan campur tangan dalam perkara yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaan bidang kuasa jenayah, mahkamah syariah masih lagi terbatas dengan hukuman 5:3:6, yakni denda tidak	Makalah ini meneliti kuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah syariah, dan kesannya terhadap perkembangan pentadbiran keadilan jenayah syariah dan agensi yang berkaitan dengannya	Kualitatif	Hasil daripada kajian ini, kelompangan dan kekurangan bidang kuasa Mahkamah Syariah perlu diperkasakan agar peruntukan mana-mana kuasa Mahkamah Syariah tidak dicabar lagi. Beberapa cadangan penyelesaian dikemukakan bagi meningkatkan dan memperkasakan institusi pentadbiran, kehakiman, pendakwaan dan penguatkuasaan Islam. Tema : Perundangan Islam

			melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau sebatan (syariah) tidak lebih enam kali sebatan			
--	--	--	--	--	--	--

HASIL ANALISIS KAJIAN LITERATURE SISTEMATIK

Merujuk kepada jadual 3 analisis literatur sistematik yang dijalankan, kajian mendapati hasil analisis mengumpulkan empat belas artikel jurnal berkaitan dengan pembinaan pengukuran model indeks syariah aspek perundangan Islam di negeri Melaka. Hasil daripada analisis ini, metod yang digunapakai oleh pengkaji kebanyakannya menggunakan kajian kualitatif berbanding 1 kajian sahaja pada no 3 bertajuk *Pengukuran Kerja Bank Umum Syariah Dengan Maqasid Index Dan Syariah oleh Lia Anggraeni Prasetyowati et.all* pada tahun 2016. Satu kajian ini mewakili 7.12 peratus berbanding tiga belas kajian yang lain seperti jadual 4 :

Bagi hasil dapatan kajian dan tema, penkaji membahagikan kepada tiga tema utama daripada kajian-kajian lepas iaitu, Indeks, Maqasid Syariah dan Perundangan Islam. Daripada kesimpulan yang dibuat kepada empat belas artikel yang dinyatakan adalah seperti dijadual 4.

Jadual 4 : Jadual Kesimpulan Analisis Metod dan Dapatan Tema Kajian.

No Kajian	Tajuk Kajian	Metod Kajian	Indeks	Maqasid Syariah	Perundangan Islam
1	Maqashid Syariah Sebagai Alat Ukur Kerja Bank Syariah Telaah Konsep Maqasid Sharia Index (Msi) Asy-Syatibi	Kualitatif	/		
2	Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat Di Malaysia	Kualitatif	/	/	
3	Pengukuran Kerja Bank Umum Syariah Dengan Maqasid Index Dan Syariah	Kuantitatif	/	/	
4	Penyelidikan Sainifik Dalam	Kualitatif	/	/	

	Kerangka Maqasid Syariah Dari Perspektif Pragmatik-Agama				
5	Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang	Kualitatif		/	
6	Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-2	Kualitatif		/	
7	Maqasid Syariah Dan Aplikasinya Dalam Bermuamalah Antara Muslim Dan Bukan Muslim.	Kualitatif		/	
8	Peranan Muqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia.	Kualitatif		/	/
9	Kepentingan Memahami Muqasid Syariah dalam Pembangunan Ekonomi Negara”.	Kualitatif		/	
10	War 52 Pembangunan Dalam Islam: Analisis Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah	Kualitatif		/	
11	Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka	Kualitatif			/

12	Analisis Perundangan Bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Berkaitan Bukti Sainifik Dan Penerimaannya Di Mahkamah Syariah	Kualitatif			/
13	Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Johor Bharu	Kualitatif			/
14	Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?	Kualitatif			/

Daripada jadual 4, menunjukkan tiada kajian yang dibuat dari lima tahun sebelum ini dari tahun 2015-2020 adalah menyamai dengan tajuk kajian yang ingin dibuat oleh pengkaji. Ini membuktikan kajian ini adalah kajian baru dah perlu dibuat kajian agar memberi impak dan digunapakai sebagai model tadbir urus yang lebih berkesan berkaitan Maqasid Syariah dan Perundangan Islam. Apabila tidak ada kajian yang dijalankan atau berlaku mana-mana kelompangan sama ada dari segi isu kajian, tempat kajian, tahun kajian atau metod kajian, adalah menjadi keperluan pengkaji baru untuk mengkaji dengan lebih meluas lagi.

KESIMPULAN

Keseluruhannya bab ini sebagai pengenalan kepada kajian yang ingin dijalankan dan menjadi panduan kepada penyelidik untuk memastikan kajian ruang linkup yang menepati persoalan kajian utama sehingga mencapai objektif-objektif kajian. Pembinaan konsep latar belakang kajian yang menceritakan subjek kajian secara umum dan khusus serta rentetan subjek yang ingin dipertengahan seperti sejarah pembinaan Indeks Syariah 2015 dan 2017. Daripada latar belakang kajian pernyataan masalah pula mempertengahan isu-isu yang timbul dalam kajian ini berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan. Pernyataan masalah ini adalah kunci utama mengapa kajian ini perlu dijalankan. Dalam kajian ini, antara intipati yang menjadi permasalahan kajian ini adalah, kajian ini tidak dilakukan secara menyeluruh, penurunan kadar peratusan indeks dari dua tahun yang berbeza walaupun berlaku penambahbaikan serta isu-isu sub-topik perundangan Islam. Manakala untuk skop dan batasan kajian pengkaji telah menghadkan setiap elemen di dalam kajian ini dengan menumpukan hanya sebuah negeri sahaja iaitu negeri Melaka. Selain itu juga, dengan adanya analisis literatur kajian-kajian

lepas yang bertema seperti dalam kajian ini adalah seperti kajian lepas berkaitan dengan Indeks, Maqasid Syariah dan Perundangan Islam bagi mengetahui kelompangan serta kajian yang dijalankan ini adalah baru. Dengan penggunaan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah *systematic literature review* (SLR) agar kajian yang ingin dijalankan relevan dan menepati sebagai kajian yang baru. Idea pembinaan model pengukuran ini agar mampu memberi impak yang besar kepada stuktur pentadbiran di negara ini khususnya dalam bidang perundangan Islam.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaydan (2002), *Madhol li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*, cetakan ke-16, al-Resalah Publishers : Beirut, Lubnan, ms 34.
- Ahmad Shukri Bin Yusoff dan Rosli Bin Mokhtar (2021), *Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat Di Malaysia*. Azka International journal of zakat and social finance, Vol 1, no 2 (Special Issue 2021).
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad (2018) *Peranan Muqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia*. Journal of Islamic Studies, Vol 2, no 1 (2018).
- Farrah Wahida Mustafa et.all Mohamad Haiqal Danial Hamdan, Norfadzilah Jusoh, Shamsilawati Mustafar (2020), *Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang*. Journal Of Law And Governance : Kolej Universiti Islam Melaka, Vol 3, no 1.
- Fakhri Sungit dan Hammad Mohamad Dahalan(2015), *War 52 Pembangunan Dalam Islam: Analisis Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah*, World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015), Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015.
- Lia Anggraeni Prasetyowati dan Luqman Hakim Handoko (2016), *Pengukuran Kerja Bank Umum Syariah Dengan Maqasid Index Dan Syariah Conformity And Profitability (Scnp)*: Jurnal Akuantasi dan Kewangan Islam, Vol 4, no 2 (2016) Publication Ethics.
- Long, A. S. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Higgins, J. P. T., et al. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ* (Online), 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>.
- Kamal, M. H., & Hussin, M. (2020). Analisis Tinjauan Literatur Sistemik (SLR) berkaitan penterjemahan elemen *Itifāt*. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 197-210.
- Khabib Solihin, Siti Nur Ami'in dan Puji Lestari, *Maqashid Syariah Sebagai Alat Ukur Kerja Bank Syariah Telaah Konsep Maqasid Sharia Index (Msi) Asy-Syatibi* : Jurnal Ekonomi Islam, Laa Maisyir, Vol 6, no 2 (2019), di akses di laman sesawang: <http://journal.uin-laauddin.ac.id/index.php/lamaisyir/article/view/11790>

- Kitchenham, B., & Charters, S. (2007). Guidelines for performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering. <https://doi.org/10.1145/1134285.1134500>.
- Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nurkhairina Othaman & Ahmad Syukran Baharuddin, *Analisis Perundangan Bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Berkaitan Bukti Sainifik Dan Penerimaannya Di Mahkamah Syariah*, E-Prosiding Diskusi Syariah Dan Undang-Undang: Siri 1 2019, Cetakan Pertama 2019, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia., eISBN: 978-967-2114-10-9.
- Musa Awang (2015), *Di manakah kita dalam Pemantapan Undang-Undang keadilan Jenayah Syariah*, *KANUN* 27(1), 55-84.
- Mohd Fazrin Hamdan (2015), *Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Johor Bharu*, *Johor Journal of Human Development and Communication* (4), 111-124.
- Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dan Zarinatun Ilyani Abdul Rahman(2017), *Penyelidikan Sainifik Dalam Kerangka Maqasid Syariah Dari Perspektif Pragmatik-Agama*, Universiti Teknologi Mara (UITM), diakses pada laman sesawang : <http://www.malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.uitm.ir.30639> , pada 2 Mac 2021.
- Setiyawan Gunardi (2019)*Maqasid Syariah Dan Aplikasinya Dalam Bermuamalah Antara Muslim Dan Bukan Muslim*, *International Research Journal Of Shariah, Muamalat and Islam*, Volume: 1 Issues: 2 (December, 2019) ms31-39, di akses laman sesawang : <http://www.irjsmi.com/PDF/IRJSMI-2019-02-12-04.pdf> .
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., Samsuddin, S. F., & Ali, Z. (2019). Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all?. *Journal of Cleaner Production*, 232, 104-117. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2019.05.262>.
- Usman, A. H., & Shahabudin, F. (2019). Analisis literatur sistematik terhadap keperluan modul psikoterapi Al-Quran: Tumpuan pemulihan salah laku pedofilia. Systematic literature analysis on requirements of the quranic psychotherapy module: The focusing on pedophilia remedies. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 37–47.
- Xiao, Y., & Watson, (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39 (1), 93-112.
- Younger, P. (2010). Using Google Scholar to conduct a literature search. *Nursing Standard*. 24 (45), 40-46.
- Zaleha Kamarudin, Ainul Jaria MAidin, Sahari Nordin, Azizah Mohd, Badrudin Ibrahim dan Roodfa Hashim (2019), *Indeks Syariah Malaysia Aspek Perundangan*, cetakan pertama IIUM Press : Kuala Lumpur.
- Zubair bin Amir Nur Rashid, Nur Mardia binti Mazri, Dr Mohd Fuad bin Md Sawari dan Dr Nan Noorhidayu binti Megat Laksamana (2019), *Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-2*, *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol.

18, Issue 6 (April), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur. Di akses laman sesawang : https://www.ijbel.com/wp-content/uploads/2019/03/KLIISC_8_033.pdf pada 2 Mac 2021.

Zurul Iman Bin Zakaria dan Zaini Bin Nasohah (2019), *Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka*. Malaysian Journal Of Syariah And Law (MJSL), Universiti Islam Sains Malaysia, VOL 7 No. 2, ISSN: 1985-7454 / E-ISSN: 2590-4396.